

# Perdagangan Malaysia-Kazakhstan RM480 juta

Kenaikan 52.3 peratus jumlah eksport disokong sektor elektrik dan elektronik

KUALA LUMPUR


Jumlah perdagangan bilateral di antara Malaysia dengan Kazakhstan berjumlah RM480 juta bagi 10 bulan pertama 2022 dengan eksport bernilai RM475 juta manakala import sebanyak RM5 juta, menurut Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE).

Pengarah MATRADE bagi Asia Tengah, Barat, Selatan dan Afrika Idzham Abdul Hamid berkata, kenaikan 52.3 peratus jumlah eksport disebabkan oleh sektor elektrik dan elektronik (E&E), minyak sawit dan pertanian.

"Kita mengimport logam, peralatan pengangkutan dan kimia serta produk kimia dari Kazakhstan," katanya kepada pemberita selepas Forum Perniagaan dan Pelaburan Kazakhstan di sini pada Isnin.

Idzham dalam ucapan alu-aluannya berkata, jumlah perdagangan antara Malaysia dan Kazakhstan pada tahun lepas mencapai RM407.5 juta dengan eksport bernilai RM363 juta dan import RM44.5 juta.

Lima eksport utama Malaysia ke Kazakhstan adalah E&E, produk getah, hasil pertanian, produk perkilangan dan produk pertanian berasaskan minyak sawit.



Sektor elektrik dan elektronik antara lima eksport utama Malaysia ke Kazakhstan.

"Selepas pandemik Covid-19 dan pembukaan semula sempadan Malaysia, kami meramalkan perdagangan (Malaysia) dengan Kazakhstan akan terus meningkat.

"Antara sektor berpotensi ialah produk halal, makanan dan minuman, pendidikan dan tenaga boleh baharu," katanya.

Beliau berkata, MATRADE telah mengenal pasti Asia Tengah sebagai pasaran baharu untuk tujuan pengembangan dengan Kazakhstan sebagai hab serantau bagi pengesport Malaysia.

Mengulas mengenai hubungan perdagangan di antara kedua-dua negara, Duta Besar Kazakhstan ke Malaysia, Bulat Sugurbayev berkata, keadaan itu semakin baik berbanding 2020 ketika pandemik melanda.

"Tahun 2020 adalah yang terburuk, tetapi tahun lepas ia (perdagangan) meningkat perlahan-lahan. Kami optimis namun berhati-hati bagi tahun

ini. Sudah pasti kami tidak boleh meramalkan (masa depan), tetapi kami akan berusaha menggalakkan peluang perniagaan untuk kedua-dua negara.

"Kita akan melihat jumlah tersebut bertambah sewajarnya berikutan ekonomi Malaysia telah dibuka semula. Kami berharap untuk sambung semula kesalinghubungan perdagangan dan perniagaan," katanya.

Ujarnya sektor kewangan Malaysia berupaya menjadi sektor berpotensi untuk diperluas ke Kazakhstan, terutamanya kewangan Islam.

"Kazakhstan telah membangunkan sektor teknologi kewangan dengan baik manakala Malaysia dengan kewangan Islam, iaitu sektor yang mana Kazakhstan mempunyai kekurangan," katanya.

Menurutnya sektor kewangan Malaysia boleh memanfaatkan Kazakhstan sebagai batu loncatan untuk mengembangkan kecekapan dalam kewangan. -Bernama